

# Pulau Kukup kembali berstatus Taman Negara

➔ Langkah pastikan kawasan kekal pulau paya bakau tak berpenghuni

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

Johor Bahru

**K**erajaan negeri sudah mengembalikan semula status Pulau Kukup di Pontian sebagai Taman Negara demi memastikan kawasan itu terus kekal sebagai pulau paya bakau tidak berpenghuni kedua terbesar di dunia.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal, berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pelbagai faktor dan kepentingan semua pihak, diwartakan pada awal Januari lalu.

## Permintaan masyarakat

"Status Taman Negara Pulau Kukup dibatalkan kerajaan terdahulu dan apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran negeri, kita mendapat permintaan masyarakat supaya statusnya sebagai Taman Ne-

gara dikembalikan.

"Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar juga berkenan supaya pulau itu terus dijadikan Taman Negara. Justeru, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) seterusnya membuat keputusan sedemikian," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menteri Besar, Datuk Osman Sapian, pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor Disember lalu, dilaporkan berkata kerajaan negeri akan memastikan status Pulau Kukup kekal sebagai Taman Negara Johor.

Kenyataan itu dibuat susulan laporan mendedahkan status Pulau Kukup sebagai Taman Negara digugurkan awal tahun lalu oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau juga dilaporkan berkata, hasil perbincangan, Sultan Ibrahim yang prihatin terhadap kepentingan kawasan itu sebagai hutan paya bakau, supaya Pulau Kukup terus kekal digunakan sebagai kawasan Taman Negara Johor.

Katanya, selain terus kekal digunakan sebagai kawasan Taman Negara Johor, Pulau Kukup juga perlu dijaga dan dikawal selia kerajaan negeri di bawah Perbadanan Taman Negara Johor.

Kebimbangan mengenai Pulau Kukup timbul berikutan warta bertarikh 25 Oktober, memaklumkan pihak berkuasa ne-

[FOTO NURUL AMANINA SUHAINI /BH]



Antara pokok bakau yang terdapat di Taman Negara Johor.

geri akan membatalkan keseluruhan kawasan Pulau Kukup sebagai Taman Negara mengikut Subseksyen 3 (3) Enakmen Alam Sekitar Taman Negara (Johor) 1989.

Terdapat enam Taman Negara di Johor iaitu Endau-Rompin Peta, Endau-Rompin Selai, Tanjung Piai, Pulau Kukup, Gunung Ledang dan Taman Laut Sultan Iskandar.